

30/07/2000

Halim buktikan kecacatan bukan penghalang

KUALA LUMPUR: Kecacatan tidak menghalang Abdul Halim Ahmad, 30, untuk mencapai kejayaan dalam akademik dan seterusnya berjaya membuka syarikat perakaunan sendiri bagi memenuhi impian hidupnya.

Anak kelahiran Muar, Johor yang dilahirkan tanpa kedua-dua belah tangan dan kaki ini, semalam menerima Anugerah Tokoh Pekerja Lelaki 2000 bagi kategori orang kurang upaya di Perhimpunan Perpaduan sempena Hari Pekerja di Stadium Putra Bukit Jalil, dekat Kuala Lumpur semalam.

Anugerah itu disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdul Halim adalah lulusan sarjana muda perakaunan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang memulakan kerjaya sebagai pembantu juruaudit di Al-Jefri & Co pada 1994 dan kemudian sebagai juruaudit di Ernest & Young sebelum membuka syarikat sendiri iaitu Halim Ahmad & Co di ibu negara.

Turut menerima anugerah bagi kategori orang kurang upaya ialah Rohani Jaafar, 35, dari Banting Selangor yang mengalami kecacatan kaki sejak berusia tiga tahun disebabkan penyakit polio.

Rohani mempunyai keistimewaan menyiapkan 10 pasang pakaian dalam sehari dan amat kreatif dalam gubahan bunga, menjahit langsir dan sulaman. Kini, beliau menyandang jawatan pengurus di syarikat SNR Fashion di Taman Keramat dan juga dicalonkan untuk Anugerah Trofi Nona 1999.

Sementara itu, Komala a/p Ramasamy dari syarikat On Semiconductor SCG Industries (M) Sdn Bhd (Negeri Sembilan) menerima Anugerah Tokoh Pekerja Perempuan 2000 dan Jalaludin Hashim, dari syarikat ST Microelectronics Sdn Bhd (Johor) pula bagi Anugerah Tokoh Pekerja Lelaki 2000.

Untuk Anugerah Kesatuan Sekerja Contoh (kategori sektor swasta) dimenangi Kesatuan Pekerja-Pekerja Telekom Malaysia Bhd Sarawak manakala Kesatuan Pegawai-Pegawai Kastam Semenanjung Malaysia bagi kategori sektor awam.

Motorola Malaysia Sdn Bhd pula menerima Anugerah Majikan Prihatin 2000, Malayan Banking Berhad (Anugerah Galakan Tabungan Pekerja 2000) dan Ladang Moccis, Teluk Intan, Perak (Anugerah Ladang Bahagia 2000).

(END)